

**B**ARAT bukan tidak pernah tunduk kepada dunia Islam. Manusia seperti Ibnu Sina, tokoh perubatan; al-Khindi, pakar pelbagai bidang sains; dan al-Khawarizmi, ahli matematik dan geografi teragung telah membuatkan orang bukan Islam pada zaman kegemilangan Islam berguru dengan penganut agama suci itu. Tetapi apa yang berlaku kemudiannya? Walaupun bilangan pakar dan saintis Islam meningkat, mereka masih tidak boleh menyaingi Barat.

Maka, salah satu formula untuk maju seperti negara-negara maju yang lain, menurut Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah dengan memiliki tenaga pakar yang secukupnya untuk mencapai matlamat tersebut. Untuk mencapai matlamat tersebut, Dr. Mahathir menggesa agar persekitaran dan infrastruktur secukupnya dapat disediakan bagi menarik minat pakar-pakar sains dan teknologi kembali berkhidmat kepada negara masing-masing bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan. "Kita perlu mengejar kemajuan (negara-negara maju) dan kita boleh melakukannya kerana kita mempunyai otak (tenaga pakar) yang secu-

# Sains Dan Teknologi Kunci Kekuatan Umat Islam

MASSA 18-24.10.2003

kupnya, tetapi semua mereka berada di luar negara untuk membuat penyelidikan bagi negara maju," katanya.

Keperluan menguasai sains dan teknologi adalah sesuatu yang amat berharga bagi umat Islam. Bukan bagi tujuan menentang atau menyaingi bukan Islam tetapi bagi memastikan umat Islam diberi peluang untuk hidup seperti orang lain yang berjaya dalam kehidupan mereka. Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir mengharap agar Malaysia, salah sebuah negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), menjadi perintis kepada usaha melahirkan lebih ramai lagi para saintis yang setaraf dengan Thomas Edison dan Einstein. Penubuhan makmal penyelidikan InventQjaya Sdn. Bhd. (IQJ) di Cyberjaya, antaranya diharapkan menjadi pemangkin ke arah usaha tersebut. Kini IQJ mempunyai 55 saintis dan pakar tekno-

logi dengan 35 daripadanya terdiri daripada anak tempatan.

Menyadari kepentingan ini, Persidangan Sains dan Teknologi OIC yang dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia diadakan bagi menubuhkan satu rangkaian kerja antara kalangan saintis OIC. Persidangan tersebut mencadangkan agar diwujudkan sumbangan dana berjumlah AS\$500 juta (RM1.9 bilion) untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dalam masa yang sama persidangan tersebut menerima Deklarasi Kuala Lumpur yang mengandungi Wawasan 1441. Deklarasi tersebut menyasarkan matlamat melahirkan 1,441 orang tenaga kerja per satu juta penduduk berbanding 226 orang sekarang dalam bidang sains dan teknologi iaitu sebagai penyelidik, saintis dan jurutera. Selain itu Wawasan 1441 turut menyasarkan sekurang-kurangnya negara-negara Islam

menyumbang 14 peratus dalam kerjasama saintifik dunia pada tahun 2020 berbanding tiga peratus pada masa kini.

Menurut Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr. Salleh Mohd. Nor, kegagalan umat Islam menguasai sains dan teknologi adalah akibat daripada infrastruktur yang lemah, kerjasama yang sangat terhad dan komitmen kerajaan negara-negara Islam yang tidak memandang serius mengenai keperluan dan kepentingan tersebut. Malah tidak ada negara Islam yang menerajui bidang itu. Katanya, kebanyakan negara Islam khususnya di negara-negara Arab lebih memberikan perhatian terhadap sistem pertahanan negara berbanding berusaha meningkatkan penguasaan dalam bidang sains dan teknologi. "Sekali pun anggota negara-negara Islam kebanyakannya terdiri daripada negara yang tidak membangun, tetapi apakah peranan dan sumban-